

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans motor anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Liberty EzyPlus Bundle ini?

Ezy Plus Bundle ialah pakej tambahan dengan premium tambahan yang hanya boleh dibeli bersama produk insurans komprehensif kereta persendirian yang ditawarkan oleh kami. Pakej ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada anda, pemandu yang dibenarkan anda dan/atau penumpang akibat kecederaan, ketidakupayaan atau kematian yang disebabkan oleh kejadian kemalangan, ganas, luaran dan dapat dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM162.00** setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima perlindungan **Kelompok C*** berikut:

Ezy Plus Bundle pakej anda melindungi:

| Manfaat-Manfaat | | Liberty Kereta Persendirian Kelompok A | Liberty Kereta Persendirian Kelompok B | Liberty Kereta Persendirian Kelompok C |
|-----------------|---|--|--|--|
| A. | Kemalangan diri - kematian akibat kemalangan / hilang upaya kekal – maksima 5 orang sahaja sehingga had | RM20,000 setiap orang | RM20,000 setiap orang | RM30,000 setiap orang |
| 1 | Perbelanjaan perubatan – maksima 5 orang sahaja sehingga had | RM1,500 setiap orang | RM1,500 setiap orang | RM3,000 setiap orang |
| 2 | Cuti umum seluruh negara - ganti rugi berganda – maksima 5 orang sahaja sehingga had | RM20,000 setiap orang | RM20,000 setiap orang | RM30,000 setiap orang |
| 3 | Pembaikan gigi dan / atau pembedahan kosmetik – maksima 5 orang sahaja sehingga had | RM1,200 setiap orang | RM1,200 setiap orang | RM1,200 setiap orang |
| 4 | Manfaat yuran ambulan – maksima 5 orang sahaja sehingga had | RM300 setiap orang | RM300 setiap orang | RM300 setiap orang |
| 5 | Manfaat pendapatan hospital – maksima 5 orang sahaja. | RM30 sehingga had 60 hari setiap orang | RM30 sehingga had 60 hari setiap orang | RM50 sehingga had 60 hari setiap orang |
| 6 | Manfaat Pengebumian – maksima 5 orang sahaja. | RM500 setiap orang | RM500 setiap orang | RM500 setiap orang |
| 7 | Bayaran balik untuk rawatan fisioterapi – maksima 5 orang sahaja sehingga had | RM500 setiap orang | RM500 setiap orang | RM1,000 setiap orang |
| 8 | Manfaat penghantaran pulang – maksima 5 orang sahaja sehingga had | RM2,000 setiap orang | RM2,000 setiap orang | RM3,000 setiap orang |
| B. | Tunda kenderaan kemalangan / kerosakan 24 jam | Tiada had maksima | Tiada had maksima | Tiada had maksima |
| C. | Elaun kesulitan kerugian penuh / kecurian kereta | RM500 | RM1,000 | RM1,000 |
| D. | Penggantian kunci kereta / pemancar | RM500 | RM1,000 | RM2,000 |
| E. | Penggantian kerusi kanak-kanak | RM300 | RM300 | RM500 |
| F. | Elaun bantuan banjir | Tidak berkenaan | RM1,000 | RM1,000 |
| G. | Kecurian pecah tingkap kenderaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | RM1,000 |
| H. | Pengecualian lebihan bayaran (aplikasi untuk kegunaan persendirian sahaja) | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Ya |
| I. | Elaun keguguran akibat kemalangan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | RM1,000 |
| J. | Jaminan mutu kerja pembaikan | Tidak berkenaan | 12 bulan | 18 bulan |
| K. | Kerosakan cermin sisi | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | RM1,000 |

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

| Untuk Ezy Plus Bundle Kelompok C ini, anda mesti membayar premium berikut: | |
|--|---|
| Premium Kasar | RM150.00 |
| (+) 8% Cukai Perkhidmatan | RM12.00 |
| (+) Duti Setem | Tidak dikenakan |
| Jumlah Premium Perlu Dibayar | RM162.00 |
| Di mana ini termasuk: | |
| Komisen | 10% daripada Premium Kasar atau RM15.00 |

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Premium ini adalah sah setakat 01/11/2025.



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

| | |
|----------|---|
| A | Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun. |
| B | Insurans ini hanya berkuat kuasa selepas premium telah dibayar sepenuhnya (cash before cover). |
| C | Tiada tambahan duti setem dikenakan dan pakej ini hanya boleh dibeli bersama produk komprehensif kereta persendirian. |
| D | Penumpang merujuk kepada maksimum empat (4) orang setiap kenderaan. Premium tambahan akan dikenakan untuk penumpang seterusnya. |
| E | Jika jumlah sebenar penumpang melebihi bilangan penumpang yang dilindungi, had untuk setiap orang akan dikurangkan secara berkadar untuk setiap penumpang. Had ini tidak akan dikenakan kepada pemandu. |
| F | Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: <ul style="list-style-type: none">• Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam.• Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan.• Sila muat turun aplikasi Liberty One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dail 1 300 88 8990 untuk bantuan. |
| G | Sebarang tuntutan manfaat-manfaat di bawah pakej ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD dan tiada ekses akan dikenakan. |
| H | Pengembalian semula perlindungan manfaat-manfaat yang disediakan adalah tidak dibenarkan. Ezy Plus Bundle hanya boleh dibeli semula semasa pembaharuan produk komprehensif kereta persendirian. |
| I | Sila rujuk endorsmen Ezy Plus Bundle untuk mendapatkan butiran penuh mengenai perlindungan ini. |



Bolehkah saya batalkan Ezy Plus Bundle saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium Ezy Plus Bundle sekiranya tiada tuntutan telah dibuat.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi motor.